

Dasar Plastik Negara diperkenal

MyMetro | Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 1 Oktober 2019 @ 2:35 PM



MENTERI KPKT, Zuraida Kamaruddin. FOTO Aziah Azmee

DASAR Plastik Negara bakal diperkenalkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membolehkan sisa plastik di negara ini diurus secara holistik sekali gus mampu memberi suntikan positif kepada ekonomi negara.

Menteri KPKT, Zuraida Kamaruddin berkata, pihaknya bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) kini dalam proses merangka mekanisme dan akta baru yang bakal diguna pakai dasar berkenaan.

Menurutnya, kementerian mensasarkan dasar baru itu diperkenalkan menjelang tahun depan dengan beberapa penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada dilaksanakan.

“Dasar ini perlu diperhalusi sebaik mungkin dan JPSPN kini giat melaksanakannya agar sisa plastik yang terdapat di negara ini dapat diuruskan sebaik mungkin seterusnya memberi manfaat ekonomi kepada Malaysia kerana permintaannya yang tinggi dalam pelbagai sektor.

“Menerusi dasar sama juga, plastik kitar semula yang diimport dari luar negara perlu melalui saringan penguatkuasaan yang lebih ketat kerana kita tidak mahu sisa plastik tidak boleh kitar semula dibawa masuk secara haram ke negara ini,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan Persidangan Kertas Putih Industri Kitar Semula Plastik di Malaysia, di Universiti Monash, di Petaling Jaya, hari ini.

Turut hadir Naib Presiden Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA), CC Cheah dan Timbalan Ketua (Kajian), Sekolah Perniagaan merangkap Pengarah Bersama Global Asia Abad ke-21, Monash Universiti Prof Pervaiz K Ahmed.

Dalam perkembangan sama, beliau berharap maklumat yang diperoleh hasil kajian kertas putih yang dibentangkan MPMA ini dapat memudahkan kementerianya merangka dasar berkenaan yang akan mengambil kira semua pihak termasuk pemain industri plastik.